

# Usahawan bumiputera berjaya di Balik Pulau

Oleh **FAIROL REDZA ISMAEL ALABAS**  
(WARTAWAN UTUSAN)

DURIAN Balik Pulau sememangnya dikenali dengan rasanya yang lazat dan segar. Kalau tiba musimnya, maka berduyun-duyun orang ramai ke situ untuk membeli dan memborong 'raja buah' itu.

Ini menyebabkan apabila sebut sahaja nama Balik Pulau, yang terlintas di kepala hanyalah buah durian. Tapi itu cerita dahulu.

Kini, kawasan tersebut telah banyak berubah semenjak beberapa tahun lalu. Sumber ekonominya turut dipelbagaikan berteraskan hasil bumi yang kaya di situ.

Selain daripada pertanian dan perladangan, Balik Pulau juga menjadi tempat para nelayan mencari rezeki memandangkan kedudukan geografinya di tepi laut.

Sebelum ini, nelayan-nelayan di situ hanya bergantung kepada proses penangkapan ikan sahaja namun kini, hasil laut itu telah dipelbagai bagi menghasilkan produk makanan untuk pasaran sekitar Pulau Pinang.

Secara tidak langsung, ia telah membuka peluang kepada penduduk tempatan mewujudkan perniagaan di bawah industri kecil dan sederhana (IKS) serta menghasilkan usahawan-usahawan bumiputera.

Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Betong telah mengambil inisiatif menjalankan projek menghasilkan produk hasil laut. Ia digerakkan oleh isteri-isteri para nelayan dengan tujuan menambah pendapatan keluarga.

Kumpulan wanita ini yang beroperasi atas nama Kunita Seri Betong (KSB) berperanan memproses ikan-ikan dan tangkapan laut lain menjadikannya produk makanan seperti keropok lekor, bebola ikan, kek ikan, ikan masin dan pelbagai lagi.

Menurut Pengerusi KSB, Siti Aishah Mohd. Said, 50, projek itu bermula pada 31 Mei 2006 hasil cetusan idea Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Betong, Muhammad Farid Saad.

Katanya, KSB menyasarkan untuk menjadi pengeluar dan pembekal produk hasil laut utama di Pulau Pinang memandangkan permintaan yang diterima amat membeangshangkan.

"KSB sekarang ini boleh dikatakan antara IKS terbaik dalam kategori ini. Ini adalah hasil kejayaan bersama para nelayan dan kaum isteri bersatu hati dalam menambah pendapatan seisi keluarga," katanya.

Beliau ditemui *Utusan Malaysia* di pusat pemrosesan hasil laut, milik Persatuan Nelayan Pulau Betong, Balik Pulau baru-baru ini.

Katanya, projek tersebut merupakan satu daripada cabang program mempelbagai dan menambahkan pendapatan petani, penternak dan nelayan yang digerakkan oleh kerajaan negeri.

Beliau turut memuji kerajaan negeri kerana mengambil langkah untuk mempelbagaikan hasil pertanian dan perikanan ke arah mewujudkan pasaran komersial.

Ujarnya, golongan muda juga patut diberi pendedahan terutamanya belia lepasan sekolah agar membabitkan diri dalam dunia IKS kerana ia mempunyai potensi yang cerah dalam ekonomi setempat.

Beliau juga menyatakan keyakinannya terhadap program yang dijalankan sekarang ini dan berharap ia mampu menarik golongan muda menceburi dengan serius bidang tersebut kerana ia dapat menjana hasil pengeluaran produk makanan negara.

Dalam pada itu, menceritakan mengenai projek KSB, Siti berkata, seramai 10 orang kaum wanita di kampung tersebut menyertai projek itu dan mereka bekerja selama tujuh hari seminggu.



**MUHAMAD Farid Saad** melihat ahli Kunita Seri Betong menjalankan aktiviti memproses hasil laut di Balik Pulau, Pulau Pinang.

"Setiap daripada kami dibayar upah RM3 satu jam. Kalau tujuh jam kerja, dapatlah upah RM21 sehari.

"Sedikit sebanyak, dapatlah kami mengurangkan beban keluarga, lebih-lebih lagi jika ada tanggungan yang ramai," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, KSB mampu mengaut keuntungan purata RM1,000

bersih sebulan dan keuntungan itu digunakan sebagai pusingan modal di samping memberi elaun kepada ahli-ahli.

"Terima kasih kepada pemimpin-pemimpin di Balik Pulau kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk mengusahakan hasil laut dan menyalurkan subsidi dalam mendapatkan mesin-mesin pemproses produk," tambahnya.